

ABSTRAK

Kajian ini berfokus kepada penggunaan keindahan bahasa mengikut tema dalam puisi Tamil Malaysia. Keindahan bahasa merupakan satu unsur penting sesebuah karya kesusasteraan. Dalam puisi nilai estetika merupakan keindahan bahasa yang digunakan untuk menyatakan perasaan, pemikiran dan gambaran yang ingin disampaikan dengan mudah oleh penyair kepada pembaca.

Sebanyak 36 puisi telah digunakan dalam kajian ini. Puisi-puisi ini dipilih daripada 24 antologi yang diterbitkan di antara tahun 1971 hingga tahun 2000. Puisi-puisi penyair prolifik yang dipilih berdasarkan 3 tema iaitu alam semesta, kebudayaan (bahasa, bangsa dan kesedaran) dan sosio-ekonomi. Bagi memenuhi objektif kajian, tempoh masa kajian di bahagikan kepada 2 tahap iaitu tahap I (1971-1985) dan tahap II (1986-2000).

Pengkaji menggunakan kaedah tinjauan dan kaedah analisis wacana dalam kajian ini. Data dianalisis secara kualitatif dan disampaikan secara deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa diksi, metafora dan simile luas terdapat dalam puisi penyair Tamil tempatan. Penggunaan keindahan bahasa ini dapat membantu menyampaikan tema puisi dengan tepat dan jitu kepada pembaca.

ABSTRACT

This study is focused on the use of aesthetic elements in Malaysian Tamil poems. Aesthetic elements are widely used in poems to express the poets' feelings, thoughts and imagination to readers.

A total of 36 poems are selected for the study. They are from 23 poetry anthologies, published from year 1971 to 2000. The selected themes are environment, culture and socio-economic. The study is divided into two phases; Phase 1 (1971 – 1985) and Phase 2 (1986 – 2000).

The data is subjected to qualitative analysis; namely observation method and text analysis method. The findings are presented in descriptive manner. The findings reveal that diction, metaphor and simile are widely used in Malaysian Tamil poetry. The use of such elements is effective in expressing the poems' themes to the readers.

PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Tuhan yang maha berkuasa kerana limpah kurnia-Nya saya dapat menyempurnakan kajian ini.

Seterusnya saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang membantu saya secara langsung dan tidak langsung dalam penulisan disertasi ini. Disertasi ini tidak mungkin siap tanpa bantuan dan sokongan mereka. Kepada penyelia saya En. Mannar Mannan Maruthai, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kerana memberi tunjuk ajar, nasihat, motivasi serta bimbingan dalam membaiki disertasi ini sehingga menyempurnakannya. Saya juga terhutang budi kepada pensyarah-pensyarah lain di Fakulti Bahasa dan Linguistik di atas pengorbanan masa dan tenaga yang disumbangkan kepada saya semasa menuntut ilmu.

Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih tidak terhingga terhadap jasa kedua-dua ibubapa, emak mertua Pn.Paruwathy, sokongan isteri tersayang Pn.R.Mahaletchumi serta anak-anak saya Arrulmathi, Thirumaran dan Ilamathi yang sentiasa bertolak ansur dalam menjayakan penyelidikan ini. Akhir sekali kepada semua individu dan rakan-rakan saya, terima kasih.

**GOPALAN MUTIAH
FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

JUN 2009